

MCA mula palu gendang perang pilihan raya
Malaysiakini.com
October 02,2011
By Nigel Aw

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek hari ini menggesa ahli-ahli parti itu supaya fokus untuk menumbangkan DAP pada pilihan raya umum akan datang.

mca agm 021011 newsletter attacking pakatan 07Katanya, ahli MCA mesti mengambil strategi yang sama yang dilakukan oleh DAP dengan merayu kepada masyarakat Cina supaya menolak DAP kerana bersekongkol dengan PAS berhubung cadangan pelaksanaan hukum hudud.

"Sudah tiba masanya untuk menghukum PAS dengan tidak mengundi DAP," katanya dalam ucapan pada Perhimpunan Agung MCA ke-58 di Kuala Lumpur, hari ini.

Tindakan itu dikatakan mungkin membawa kesan kepada DAP, seperti yang berlaku pada pilihan raya umum 1999, apabila kebimbangan yang serupa dimainkan. Ketika itu, DAP kalah teruk, apabila BN memainkan isu negara Islam yang cuba diperjuangkan oleh PAS menerusi Barisan Alternatif.

mca agm 021011 newsletter attacking pakatan 04"Musuh-musuh kita bukannya rakan-rakan kita daripada kalangan anggota parti sendiri (komponen BN) sebaliknya, Pakatan Rakyat. Kita harus terus (memberi) fokus kepada objektif kita," katanya sambil berkata MCA akan terus berperanan dalam kerajaan dan menjadi suara masyarakat Cina dalam kerajaan.

Menurut Chua, MCA juga sedang bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13 dan muncul sebagai sebuah parti yang lebih bersatu dan stabil selepas pemilihan pucuk pimpinan parti itu pada tahun lalu.

Lebih ruang

Pada ucapannya di perhimpunan yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Chua turut menggesa kerajaan membuka lebih ruang untuk mendengar suara rakyat yang kini lebih lantang, aktif dengan kesedaran politik yang tinggi berbanding dahulu.

mca agm 021011 01"Sebagai pemimpin, kita mestilah sentiasa bersedia untuk mendengar. Anggota politik tidak sepatutnya berpura-pura yang mereka mengetahui segala-galanya.

"Transformasi politik perlu menjangkaui kepaduan politik, politik kecam-mengecam dan politik perkauman. Kita perlu mengangkat darjat politik kita mengatasi semua ini dan membawa jalan keluar ke arah satu dimensi yang berlainan," katanya.

Menurut Chua, BN perlu merangka satu pendekatan yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa untuk memenuhi aspirasi rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Beliau berkata aspirasi generasi muda sekarang mungkin sudah berbeza dengan aspirasi generasi terdahulu dan BN sebagai kerajaan yang memimpin negara ini bertanggungjawab untuk merangka satu dasar yang bersesuaian.

"Saya dengan ini menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengambil langkah besar ke depan dengan menawarkan rakyat Malaysia satu pendekatan baru yang akan menjadi contoh kepada aspirasi dan harapan rakyat secara keseluruhannya.

NONE"Kepimpinan baru MCA juga ingin melihat pendekatan baru ini mendukung sebuah kerajaan yang membina dan berupaya menyatupadukan semua kaum di negara kita. Kita perlu sentiasa meneruskan langkah ke arah jalan tengah yang dapat mendekati generasi muda," katanya.

Namun begitu, menurut Chua, pendekatan baru yang dimaksudkan itu bukan satu percubaan untuk mencabar atau menulis semula kontrak sosial.

"Saya faham cadangan ini mungkin akan dikecam oleh kumpulan tertentu. Namun begitu, kita perlu merangka suatu formula yang lebih sesuai dengan peredaran zaman dan untuk memenuhi aspirasi rakyat Malaysia," katanya.

Sikap bongkak

Sehubungan itu, presiden MCA itu mengecam segelintir pemimpin BN yang menunjukkan sikap bongkak, sombong malah menggunakan bahasa yang tidak sepatutnya menerusi laman sosial untuk berkomunikasi dengan rakyat.

Beliau khawatir bahawa ia akan menjadi barah dan menyebabkan kemarahan dan persepsi negatif rakyat terhadap BN dan kerajaan.

mca agm 021011 left chua soi lek and najibMengenai resolusi agar MCA tidak mengambil sebarang pelantikan dalam kerajaan sekiranya prestasi parti tidak memperlihatkan peningkatan berbanding pilihan raya umum 2008, Chua berkata ia semata-mata untuk menghormati suara pengundi iaitu MCA tidak boleh terus menjadi suara kerajaan sekiranya tidak mendapat sokongan daripada rakyat.

Keputusan ini tidak harus dipandang sebagai satu ugutan sebaliknya perlu dilihat sebagai menghormati hasrat pengundi.

"Adalah diharapkan, keputusan ini akan mewujudkan kesedaran lebih meluas betapa pentingnya anggota-anggota parti semua bersatu untuk memastikan kemenangan MCA pada pilihan raya akan datang kerana masa depan dan kewujudan parti ini adalah di tangan anggota-anggota sepenuhnya," katanya.